



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 29/2023

HAKIKAT HIJRAH DALAM ISLAM

21 Julai 2023

Bersamaan

3 Muharram 1445

**DIKELUARKAN OLEH:
JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَىٰ
الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ،

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ
تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ

أَمَّا بَعْدُ، فَإِنِّي أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Khatib berpesan kepada diri sendiri dan sidang jumaat sekalian, marilah sama-sama kita bertaqwa kepada Allah S.W.T. sebenar-benar taqwa, dengan menjauhi segala larangan-Nya serta melaksanakan segala titah perintah-Nya.

Mimbar jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk:

HAKIKAT HIJRAH DALAM ISLAM

Sidang Jumaat yang dikasihi sekalian,

Kehadiran awal tahun hijrah membawa erti yang sangat mendalam bagi seluruh umat Islam, kerana kedatangannya mengingatkan kita kepada suatu peristiwa agung yang pernah berlaku dalam lipatan sejarah Islam, iaitu hijrah Baginda Rasulullah s.a.w dari Mekah mukarramah ke Madinah munawwarah. Hakikat hijrah dalam Islam, sebagaimana yang telah dilakukan oleh Baginda s.a.w adalah merujuk kepada dua perkara penting. Pertama, perbuatan berpindah dari satu tempat ke satu tempat lain. Perkara kedua, iaitu yang terpenting; niat perbuatan tersebut adalah semata-mata kerana mencari keredaan Allah S.W.T.. Hal demikian telah ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w dalam sabdanya:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَّا نَوَى، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ
إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ، وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا
يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ".

Maksudnya: “Sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niat dan setiap seorang akan menerima ganjaran mengikut apa yang diniatkannya. Sesiapa sahaja niat berhijrah kerana Allah dan RasulNya, sudah pasti hijrahnya itu benar-benar hanya untuk Allah dan RasulNya. Sebaliknya, sesiapa sahaja niat berhijrah kerana dunia untuk diperolehinya atau perempuan untuk dikahwininya, maka jadilah hijrahnya mengikut apa yang diniatkannya sahaja”.

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Hadis tersebut memberi faham kepada kita bahawa, hijrah menuntut kepada suatu perubahan yang perlu dilakukan dalam kehidupan mukmin. Perubahan itu pula, mestilah berpaksikan kepada niat atau tujuan hijrah itu dilakukan. Rasulullah s.a.w merubah kehidupan masyarakat jahiliyah yang berada dalam kegelapan kekufuran kepada sinar cahaya Islam dan Iman, daripada peperangan kepada persaudaraan. Baginda s.a.w juga mengeluarkan mereka daripada cengkaman nafsu syahwat kepada keindahan hukum hakam Islam yang sentiasa membimbing semua tingkah laku mereka. Baginda s.a.w mensucikan mereka daripada bergelumang dengan akhlak dan perangai kebinatangan kepada menghiasi diri dengan akhlak mulia dan budi pekerti yang luhur. Semua perubahan yang dilakukan tersebut adalah berpaksikan kepada niat hanya kerana Allah. Itulah hakikat makna hijrah yang ditonjolkan oleh junjungan mulia kita Rasulullah s.a.w.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Hijrah juga menuntut kepada suatu pengorbanan yang perlu dilakukan oleh setiap muslim bagi menyempurnakan matlamat dan tujuan hijrahnya. Hal demikian adalah kerana, berhijrah daripada kekufuran kepada keimanan, berhijrah daripada kemaksiatan kepada ketaatan, berhijrah daripada akhlak tercela kepada akhlak terpuji. Kesemuanya itu memerlukan kepada mujahadah memerangi hawa nafsu. Allah S.W.T. berfirman dalam Surah al-‘Ankabut: ayat 69 :

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾

Maksudnya : Dan orang yang berusaha berjuang kepada agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami, dan sesungguhnya Allah adalah berserta orang yang berusaha memperbaiki amalannya.

Rasulullah s.a.w juga pernah bersabda:

الْعِبَادَةُ فِي الْهَجْرِ كَهَجْرَةِ إِلَيَّ

Maksudnya: Melaksanakan ibadat pada zaman fitnah, sama seperti berhijrah kepadaku.

(Hadis Riwayat Muslim)

Hadis tersebut telah menggambarkan makna betapa besarnya kemuliaan Allah kurniakan kepada orang beriman yang terpaksa berkorban menahan diri daripada mengikuti hawa nafsunya sewaktu berada pada era yang penuh dengan fitnah, kerana semata-mata ingin menjaga ketaatan kepada Allah S.W.T..

Sidang jumaat yang dikasihi sekalian,

Marilah sama-sama kita memperbaharui azam mentaati Allah S.W.T. dalam semua keadaan dalam kehidupan kita, sama ada amal perbuatan zahir yang melibatkan anggota badan kita mahupun perbuatan batin yang melibatkan perangai dan emosi kita. Mudah-mudahan, menerusi ketaatan kepada Allah S.W.T. zahir dan batin yang kita lakukan secara berterusan, kita tergolong dalam kalangan orang yang benar-benar menghayati hakikat hijrah yang dibawa oleh baginda s.a.w. Sabda Rasulullah s.a.w :

وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا نَهَى اللَّهُ عَنْهُ.

Maksudnya: Orang yang berhijrah ialah orang yang meninggalkan apa-apa yang dilarang oleh Allah padanya."

(Riwayat al-Bukhari)

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

❖ وَمَنْ يُهَاجِرْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَجِدْ فِي الْأَرْضِ مُرَافِعًا كَثِيرًا وَسَعَةً وَمَنْ يَخْرُجْ مِنْ بَيْتِهِ مُهَاجِرًا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ يُدْرِكُهُ الْمَوْتُ فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ وَكَانَ اللَّهُ

غَفُورًا رَحِيمًا ﴿١٠٠﴾

Maksudnya: Sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah untuk membela dan menegakkan Islam, nescaya ia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur. Sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan RasulNya, kemudian dia mati dalam perjalanan, maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

(Surah al-Nisa': 100)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ
هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dikasihi.

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ.
اللَّهُمَّ اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفَّ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ
الْمَرْحُومِ السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى
السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim,

Perbaikilah hubungan di antara kami dengan penuh kasih sayang, anugerahkanlah kami dengan kesihatan dan kesejahteraan, kurniakanlah kepada kami nikmat keamanan dan keselamatan yang berterusan .

Ya Allah,

Limpahkanlah dalam kehidupan keluarga kami ketenangan dan kebahagiaan, Semaikanlah semangat muafakat dalam kejiranan dan qaryah kami. Suburkanlah para belia dan remaja kami jiwa yang mantap, iman yang teguh, ilmu yang bermanfaat dan akhlak yang mulia. Jauhkanlah mereka dari perkara-perkara yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga dan negara .

Ya Allah,

Kami pohon kehadiranMu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat. Bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang menunaikan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk pembangunan umat Islam Terengganu .

Ya Allah ,

Jadikanlah negeri Terengganu, negeri yang aman dan damai. Bukakanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Jaukanlah negeri kami ini dan negara umat Islam seluruhnya dari segala malapetaka, musibah dan apa jua kemurkaanMu. **Amin Ya Rabbal alamin.**

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمُكُمُ اللهُ.